

Rosmah Mansor terima darjah utama Melaka
Malaysiakini.com
Disember 15, 2010

Isteri Perdana Menteri Datin Seri Rosmah Mansor menerima Darjah Utama Negeri Melaka (DUNM) pada sesi khas Istiadat Penganugerahan di Dewan Seri Negeri, Ayer Keroh di Melaka hari ini.

Beliau menerima anugerah tertinggi kerajaan Melaka itu, yang membawa gelaran Datuk Seri Utama, daripada Yang Dipertua Negeri Tun Mohd Khalil Yaakob.

Anugerah itu sempena Hari Jadi ke-72 Mohd Khalil pada 9 Okt lalu dan Rosmah mendahului senarai 934 penerima anugerah darjah, tauliah, bintang dan pingat kebesaran.

Turut hadir ialah Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak, Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Mohd Ali Rustam, barisan Exco dan pemimpin negeri.

- Bernama

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/150873>